

24/12/1999

BN atur strategi hadapi `serangan' pembangkang

KERAJAAN Barisan Nasional (BN) membuat pemantauan secara teliti, terutama taktik yang digunakan pembangkang pada persidangan Dewan Rakyat yang berakhir semalam, untuk menyediakan pasukan pendebat lebih mantap pada persidangan akan datang.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata beberapa menteri termasuk dirinya diarah memantau senario di dalam dewan sebelum menggariskan strategi bagi menghadapi `serangan' yang dijanjikan lebih hangat oleh pembangkang.

"Kita akan menyusun strategi untuk menghadapi pembangkang yang ternyata berkobar-kobar pada permulaan ini," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen, semalam.

Beliau yang juga Menteri Penerangan berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memberi amaran kepada semua Ahli Parlimen BN supaya hadir setiap masa pada persidangan Dewan Rakyat.

Perdana Menteri turut menegur kelakuan kebanyakan Ahli Parlimen yang lebih suka duduk di luar daripada menyertai perbahasan di dalam dewan.

Pembangkang yang diketuai oleh Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, turut menyusun strategi untuk bertindak lebih agresif di Parlimen, dengan membentuk satu kabinet bayangan di kalangan ahli Parlimen Pas bagi memantau perkembangan setiap kementerian yang dibentuk kerajaan BN.

Pembangkang yang kini mengisi 45 daripada 193 kerusi Parlimen ternyata kelihatan begitu `rajin' sepanjang persidangan empat hari mesyuarat pertama Penggal Yang Pertama Dewan Rakyat yang berakhir semalam, dengan kehadiran hampir penuh oleh kebanyakan ahli-ahlinya.

Mohd Khalil berkata, kerajaan sedang memerhati kelakuan dan tindakan beberapa muka baru ahli Parlimen BN dan cara mereka menghadapi situasi di Dewan Rakyat.

"Kita akan mengkaji kedudukan dan akan melatih beberapa muka baru di kalangan penyokong kerajaan untuk menghadapi sebarang isu yang ditimbulkan kerajaan," katanya.

Katanya, ramai muka baru di kalangan penyokong kerajaan masih `senyap' kerana mereka sedang menyesuaikan diri dengan keadaan.

"Mereka akan bersedia untuk membabitkan diri secara aktif pada persidangan akan datang," katanya.

(END)